

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, syarikat tempatan yang mengadakan usahasama dengan syarikat asing harus memahami prinsip teknologi asing dengan secukupnya supaya mereka dapat menggunakan teknologi itu dalam mencipta barangan lain.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak harus menerimanya secara pasif.

"Usahasama yang menggunakan teknologi asing ini sudah tentu akan membantu meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan tempatan," kata beliau ketika merasmikan Kilang Sapura-Nokia Telecommunications dan Sapura Electronics Industries di Wangsa Maju, Setapak, di sini.

Beliau berkata, dalam usaha mempercepatkan proses perindustrian negara, syarikat tempatan harus menerima teknologi asing yang sesuai bagi keperluan mereka.

Beliau juga berkata, adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan memasuki projek usahasama dengan syarikat-syarikat pelbagai negara untuk memenuhi permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan telekomunikasi tempatan. -- Lagi

ES SIA

916/98/12-44MST

CNS1772

R GB 16-98 09119 BH436

acb

Mahathir - Teknologi 2 Kuala Lumpur

Kata beliau, melalui projek usahasama itu, ia juga dapat membantu menjadikan Malaysia sebuah negara pengekspor alat-alat telekomunikasi.

"Usahasama Sapura-Nokia ini adalah antara perniagaan usahasama yang kita ingin lihat bertambah lagi di negara ini," kata beliau.

Sapura-Nokia Telecommunications (SNT) adalah satu projek usahasama antara Sapura Holdings Sdn Bhd, Mega Team (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Bumiputera dan Nokia Telecommunications OY dari Finland.

Perdana Menteri berharap melalui usahasama seperti itu, pemindahan teknologi kepada rakan kongsi tempatan akan dipercepatkan lagi.

"Adalah diharapkan dengan adanya lebih banyak usahasama syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat asing, maka pembangunan teknologi industri tempatan akan dipercepatkan," kata beliau. -- lagi

916/98/12-51MST

CNS1810

R GB 16-98 09133 BH440

acb

Mahathir - teknologi 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun adalah penting bagi syarikat-syarikat tempatan menjalankan program latihan untuk mempertingkatkan kemahiran dan melengkapkan pekerja mereka dengan kemahiran baru.

Katanya, dengan memiliki berbagai kemahiran, pekerja juga akan lebih mudah membuat penyesuaian dan perubahan yang perlu yang dibawa oleh teknologi baru.

"Oleh yang demikian, inisiatif Sapura-Nokia Telecommunications Sdn Bhd menubuhkan pusat latihan dengan mengadakan program intensif untuk memindahkan kemahiran teknologi amatlah sesuai dan selaras dengan dasar kerajaan," kata beliau.

Mengenai industri telekomunikasi, beliau berkata, ia adalah antara penyumbang penting kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Dr Mahathir berkata, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, industri itu mencatat pertumbuhan dua angka, iaitu satu pertumbuhan yang beliau sifatkan sebagai menggalakkan. -- lagi

CNS1811

R GB 16-98 00149 BH441

aab

Mahathir - teknologi 4 Kuala Lumpur

Dari segi bilangan pelanggan telefon, ia telah meningkat daripada 169,600 orang pada tahun 1975 kepada 1.58 juta orang pada 1990.

"Pada hari ini, terdapat kira-kira 2.3 juta pelanggan telefon," kata beliau dengan menambah bahawa berdasarkan kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan sekarang, Malaysia dijangka memerlukan 6.5 juta talian telefon pada tahun 2000.

Dr Mahathir berkata, "Sungguhpun eksport barangan telekomunikasi negara telah meningkat daripada RM1.23 ribu juta pada tahun 1990 kepada RM1.97 ribu juta pada tahun 1992, kadar import alat-alat telekomunikasi juga turut meningkat."

Katanya lagi, dalam tahun 1992, alat-alat telekomunikasi bernilai RM1.33 ribu juta telah diimport, bertambah sebanyak 46 peratus berbanding dengan nilai yang diimport pada tahun 1990.

"Oleh itu, masa depan bagi industri pengeluaran alat-alat telekomunikasi tempatan adalah cerah," kata beliau. -- lagi

916/98/13-29MST

R GB 16-98 00159 BH444

aab

Mahathir - teknologi 5 (akhir) Kuala Lumpur

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, syarikat-syarikat tempatan mesti aktif dalam menerima teknologi asing supaya dapat menguasainya dengan sepenuhnya.

Beliau juga berkata, Malaysia tidak memerlukan para pelabur asing yang pasif yang tidak ingin berkongsi teknologi, mereka dengan syarikat tempatan atau syarikat asing yang cuma "meminjam nama mereka" kepada syarikat tempatan.

Dr Mahathir berkata, kini ramai pengusaha tempatan telah berjaya menerapkan teknologi asing sehingga dapat mewujudkan kilang-kilang elektronik mereka sendiri.

"Syarikat-syarikat (elektronik) Malaysia kini sudah boleh buat barangan untuk syarikat-syarikat lain," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, para pengusaha tempatan tidak boleh berhenti daripada menerima teknologi asing kerana ia bukan statik malah ia bertukar-tukar dan juga semakin maju.

"Tetapi kalau kita sudah ada asas teknologi asing, kita boleh mengikuti perkembangan dalam bidang penyelidikan dan dengan itu kita boleh cipta barangan dengan mengikut prinsip-prinsipnya," kata beliau lagi. -- Bernama

ES SIA

916/98/13-37MST

44